

Tokoh ulung di sebalik penubuhan UTHM

UNIVERSITI Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menggunakan pakai nama seorang tokoh negarawan Malaysia yang juga Perdana Menteri Malaysia yang ketiga (1976-1981), Tun Hussein Onn yang dilahirkan pada 12 Februari 1922 di Johor Bahru menerima pendidikan sekolah rendah di Singapura dan peringkat menengah di English College (Maktab Sultan Abu Bakar) Johor Bahru.

Setelah tamat persekolahan, beliau menyertai Angkatan Tentera Timbalan Setia Negeri Johor sebagai pegawai kadet sehingga dipilih menyertai Akademi Tentera India, Dehradun, sebuah akademi latihan ketenteraan yang tersohor dalam empayar British ketika itu.

Beliau pernah berkhidmat di India dan seterusnya di Asia Barat meliputi Mesir, Syria, Palestin dan Iraq dengan menyandang pangkat Kapten.

Tun Hussein juga pernah menyertai tentera India dan British untuk membebaskan Tanah Melayu daripada penaklukan Jepun. Apabila Perang Dunia Kedua berakhir, perkhidmatan beliau diteruskan sebagai pengajar di Pusat Perekutan dan Latihan Polis Malaya (Malayan Police Recruiting and Training Centre) Rawalpindi, India dan kemudian dilantik sebagai Komandan Depot Polis Malaya, Johor Bahru pada 1945.

Seterusnya beliau dilantik sebagai Penolong Pegawai Daerah Segamat, Johor dan pernah berkhidmat sebagai Pegawai Daerah di Klang dan Kuala Selangor sebelum meletakkan jawatan untuk menyertai politik dengan dilantik sebagai Ketua Pemuda pertama Pertubuhan Kebangsaan Melayu Malaya (Umno) pada 1949.

Setahun kemudian beliau dilantik sebagai Setiausaha

Agung parti itu. Di samping itu beliau juga menjadi ahli dalam Majlis Mesyuarat Perundungan Persekutuan dan Majlis Mesyuarat Perundungan Negeri Johor. Apabila ayahandanya, Dato' Onn Jaafar keluar daripada Umno pada tahun 1951 dengan menu bukan Parti Kemerdekaan Malaya (Independent Malaya Party, IMP), beliau juga mengambil langkah yang sama.

Beliau kemudian melanjutkan pelajaran dalam jurusan undang-undang di Lincoln's Inn, London dan lulus sebagai peguam bertauliah seterusnya berkhidmat di Firma Skrine and Company, Kuala Lumpur.

Tun Hussein menyertai semula Umno dengan memenangi kerusi Parliment Johor Bahru Timur dalam pilihan raya umum 1969. Pada 22 September 1970 beliau dilantik sebagai Menteri Pelajaran dengan membawa idea-idea baru seperti meletakkan



**Tun Hussein Dato' Onn
(1922 - 1990)**

syarat lulus bagi subjek Bahasa Malaysia dalam peperiksaan awam ke arah membentuk identiti bangsa dan membina perpaduan di kalangan rakyat, sistem kuota diperkenalkan bagi kemasukan ke kursus ikhtisas di universiti tempatan dan memulakan langkah ke arah penubuhan Universiti

Pertanian Malaysia.

Beliau dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri pada 13 Ogos 1973 seterusnya Perdana Menteri pada 15 Januari 1976. Tun Hussein meneruskan dasar kepimpinan Tun Abdul Razak yang menjadi teras kepada pembangunan negara.

Malah bagi mengukuhkan dasar terdahulu, beliau melancarkan Skim Amanah Saham Nasional (ASN) dalam tahun 1981 yang bertujuan meningkatkan ekuiti Bumiputera untuk menikmati kemakmuran ekonomi negara selaras Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Di samping itu, beliau melancarkan Rukun Tetangga, Lembaga Perpaduan Negara, Koperasi Usaha Bersatu, Rancangan Malaysia Ketiga termasuk menghadapi ancaman dadah dengan merasmikan Pemandu dan anasir komunis dengan mengukuhkan angkatan bersenjata sebagai ben-

teng kedaulatan negara.

Tun Hussein memiliki personaliti cermat, teliti dan berdisiplin telah berjaya memainkan peranan yang signifikan dalam menangani masalah yang mengancam keselamatan negara. Malah perwatakan yang sederhana yang disulam dengan pendekatan yang tegas telah memperlihatkan keikhlasan beliau memperjuangkan perpaduan di Malaysia sehingga digelar 'Bapa Perpaduan'.

Beliau meninggalkan jasa yang menjadi teras dalam pentadbiran Perdana Menteri dengan menekankan nilai amanah, bersih, integriti dan lain-lain ke arah masa depan yang cemerlang.

Tanggal 29 Mei 1990 beliau kembali ke rahmatullah akibat serangan jantung di Daly City, California, Amerika Syarikat dan dikebumikan di Makam Pahlawan, Masjid Negara, Kuala Lumpur. Al-Fatihah.